

OKTOBER/NOVEMBER 1994

RMK 252 - Pengantar Pengurusan Projek

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan: Dua daripada Bahagian A dan tiga daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Matlamat pengurusan ialah mengintegrasikan sumber dan aktiviti dengan cekap demi mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi.
 - (a) Pada pandangan anda, apakah matlamat yang ingin dicapai oleh sesebuah organisasi pengurusan projek?
 - (b) Nyatakan bagaimanakah matlamat berkenaan boleh dicapai? Terangkan dengan jelas apakah langkah dan kaedah yang akan anda gunakan jika anda bertanggungjawab menguruskan organisasi berkenaan.
2. Kerja-kerja pembinaan boleh dijadualkan dengan menggunakan beberapa teknik tertentu.
 - (a) Huraikan secara ringkas tentang 3 teknik penjadualan kerja yang anda tahu.
 - (b) Pada pandangan anda, apakah kriteria-kriteria yang patut diberi pertimbangan dalam memilih teknik penjadualan yang sesuai untuk sesuatu projek?

(20 markah)

(20 markah)

...2/-

3. (a) Proses pelaksanaan sesuatu projek pembinaan pada kebiasaannya perlu melalui beberapa peringkat tertentu. Jelaskan peringkat-peringkat tersebut dan nyatakan apakah aspek-aspek utama yang perlu diberi perhatian oleh pengurus projek.
- (b) Bahan binaan, peralatan dan pekerja merupakan 3 sumber utama yang kewujudannya boleh mempengaruhi kos, kualiti dan masa sesuatu projek. Sebagai pengurus apakah tindakan-tindakan yang akan anda ambil dalam menguruskan sumber-sumber berkenaan untuk memastikan supaya ketiga-tiga elemen kos, kualiti dan masa dapat dicapai dengan sebaik-baiknya.

(20 markah)

Bahagian B

4. (a) Jelaskan kenapa kualiti kepimpinan amat berguna kepada seorang pengurus tapak binaan.
- (b) Mengikut Bresnan (1986), terdapat tiga pembolehubah yang mempengaruhi impak kepimpinan ke atas pelaksanaan projek.

Bincangkan ketiga-tiga pembolehubah tersebut.

(20 markah)

5. (a) Bincangkan ciri-ciri yang selalunya disentuh dalam kebanyakan takrifan pengurusan.
- (b) Bincangkan ciri-ciri yang selalunya disentuh dalam kebanyakan takrifan organisasi.
- (c) Berikan satu sebab kenapa wujud berbagai-bagai arus pemikiran dan perspektif dalam konsep pengurusan dan organisasi.

(20 markah)

...3/-

6. (a) Berikan alasan-alasan kenapa keputusan seringkali dibuat secara berkumpulan.
- (b) Kenapakah setengah keputusan yang dibuat oleh kumpulan lebih buruk dari keputusan yang dibuat secara berseorangan.
- (c) Terangkan secara ringkas konsep 'Quality Circle' dan 'Brainstorming'.

(20 markah)

7. (a) Nyatakan jenis-jenis kuasa yang ada mengikut French dan Raven (1960).
- (b) Apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh seorang graduan yang baru bekerja untuk meningkatkan kuasanya di dalam tempat kerja.

(20 markah)

oooOOooo